

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	02 NOVEMBER 2016



Najib dan Li Keqiang menghadiri mesyuarat meja bulat di Beijing, semalam.

# Hubungan dagang kian kukuh

BH - 2/11/2016

➔ Kerjasama kaedah paling baik hadapi kekusaran ekonomi global

Daripada Shariffudin Mohamed di Beijing  
bhnews@bh.com.my

**D**atuk Seri Najib Razak yakin hubungan di antara Malaysia dan China akan bertambah makmur berdasarkan perkembangan hubungan perniagaan, perdagangan dan udara yang kukuh.

Perdana Menteri yang tiba di sini kelmarin untuk lawatan kerja seminggu, berkata hubungan ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara kini terus kukuh dengan jumlah pelaburan China di Malaysia dijangka terus meningkat.

"Menerusi hubungan udara yang lebih luas hari ini, dengan Malaysia Airlines dan AirAsia kini menyediakan perkhidmatan ke lebih banyak bandar di China, selain perkhidmatan penerbangan sewa khas dari Guangdong ke Melaka mulai bulan lalu, menggalakkan hubungan baharu," katanya.

Najib berkata, Malaysia juga menawarkan penyambungan yang tiada saingannya selain berada pada kedudukan sebagai rakan perniagaan strategik di ASEAN, secara kolektifnya ekonomi ketujuh terbesar dan diunjur meningkat ke

tahap keempat terbesar di dunia pada 2050.

**Bina pertumbuhan bersama**  
Sementara itu, beliau berkata, Malaysia berkongsi pandangan dengan China bahawa kaedah paling baik untuk menghadapi kekusaran ekonomi global adalah dengan meningkatkan kerjasama dan membina pertumbuhan bersama melalui perdagangan dan pelaburan.

Katanya, Malaysia pasti mendapat faedah apabila China membina hubungan dengan rakan dan jirannya melalui inisiatif *One Belt One Road* dan perjanjian dua hala seperti Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China.

Sehingga hujung 2015, beliau berkata, pelaburan China di Malaysia adalah sebanyak AS\$2 bilion (RM8.4 bilion) dan akan meningkat, sekali gus menggambarkan aliran kenaikan pelaburan sejak lima tahun lalu.

"Malaysia menyambut baik pembabitian syarikat China yang utama dalam pembangunan *flagship* (perdana) kita, institusi dan projek. Anda memberi sumbangan besar kepada ekonomi kami," katanya ketika berucap pada mesyuarat meja bulat dengan lebih 30 tokoh perniagaan China, di sini semalam.

Najib berkata, China adalah rakan dagang terbesar Malaysia pada 2015 dan begitu juga sejak 2009, manakala jumlah dagangan dua hala pada tahun lalu ialah AS\$100 bilion (RM417.7 bilion), malah syarikat Malaysia seperti kumpulan IOI Corporation Berhad, Parkson Malaysia dan KLK sudah pun melancarkan operasi di China.



Menerusi hubungan udara yang lebih luas hari ini, dengan Malaysia Airlines dan AirAsia kini menyediakan perkhidmatan ke lebih banyak bandar di China, selain perkhidmatan penerbangan sewa khas dari Guangdong ke Melaka mulai bulan lalu, menggalakkan hubungan baharu"

Najib Razak,  
Perdana Menteri

Katanya, eksport utama Malaysia ke China, termasuk produk elektrik dan elektronik, bahan kimia dan produk kimia, produk petroleum serta minyak sawit dan produknya, manakala import utama dari China pula produk elektrik dan elektronik, mesin dan peralatan serta bahan kimia dan produknya.

## Malaysia destinasi menarik

Mengajak komuniti perniagaan China mengambil peluang ditawarkan Malaysia, Najib berkata, dengan asas ekonomi kukuh, Malaysia terus menjadi destinasi menarik pelaburan langsung asing (FDI) dan dalam enam bulan pertama 2016, pelaburan asing diluluskan mencapai 83.3 peratus daripada jumlah diluluskan tahun lalu.

Sementara itu, ketika berucap pada sesi makan tengah hari dalam forum perniagaan Malaysia-China yang dihadiri lebih 400 ahli perniagaan kedua-dua negara, Najib berkata, hubungan dagangan Malaysia-China semakin kukuh biarpun keadaan ekonomi global mengalami kesukaran.

Katanya, dari Januari hingga Jun tahun ini, jumlah dagangan dengan China meningkat dua peratus berbanding tempoh sama tahun lalu dan China menyokong beberapa projek perdana yang akan membawa Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi.

Beliau berkata, Malaysia adalah rakan dagang kelapan terbesar bagi China, manakala China pula rakan dagang terbesar Malaysia, selain sumber import terbesar dan kedua terbesar eksport dalam kalangan negara ASEAN.

## Info

### MoU membabitkan perniagaan di antara Malaysia dan China

➔ **Perjanjian** Pentauliahan, Kejuruteraan, Perolehan dan Pembinaan di antara Malaysia Rail Link Sdn Bhd, China Communications Construction Company Limited (CCCC) dan China Communications Construction Company (M) Sdn Bhd (CCCCM).

➔ **Memorandum** Perjanjian Pelaburan, Pembangunan dan Pembinaan Projek Melaka Gateway (KAJ Development & Power China).

➔ **Perjanjian** Pembelian Tanah dan Pembangunan di Bandar Malaysia di antara Bandar Malaysia Sdn Bhd dan Greenland Holdings Group Overseas Investment Co Ltd.

➔ **Perjanjian** di antara Selat PD Sdn Bhd dan CCCC Dredging (Group) Co Ltd.

➔ **Perjanjian** Kerangka Kerjasama Pembinaan Kilang Besi di Sarawak di antara kerajaan Sarawak, Hebei Xinnuan Steel Group dan MCC Overseas Limited.

➔ **Memorandum** Perjanjian bagi Perkongsian Kerjasama Pelaburan Melaka Gateway di antara KAJ Development Sdn Bhd, Power China, Shenzhen Yantian Port dan Rizhao Port.

➔ **Perjanjian** Skim Kewangan Bandar Malaysia di antara IWH CREC Sdn Bhd dan ICBC.

➔ **MoU** di antara ECERDC dan Wuxi Suntech Power Co. Ltd bagi pengeluaran sel solar Crystalline Silicon dan modul di Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan.

➔ **Memorandum** Perjanjian Taman Teknologi Hijau di Pekan, Pahang di antara BHS Industries Berhad dan China Nuclear Huaxing Construction Co Ltd.

➔ **China** Construction Bank (Malaysia) Berhad diberikan lesen bank komersial oleh Menteri Kewangan mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

Dengan modal AS\$200 juta (RM835.42 juta), China Construction Bank mampu menyediakan bantuan kewangan bagi menyokong pembangunan infrastruktur Malaysia.

➔ **MoU** di antara Yanming Resources Sdn Bhd dan Fuzhou Xin Zibu Culture Communication Co Ltd untuk pembangunan pasaran sarang burung di China.

➔ **MoU** di antara MATRADE dan Alibaba.com.

➔ **Perjanjian** Kerjasama Kajian dan Pembangunan di antara Royal Bird's Nest, Walet Company-International Private Limited Company dan Universitas Peking bagi menetapkan standard ekstrak sarang burung yang boleh dimakan dan perubatan.

➔ **MoU** di antara Aladdin Group Sdn Bhd dan Suzhou Lian Cheng Yihao Information Technology Co Ltd.